



## Memorandum

**Kepada** : Semua Stokis, Mobil Stokis dan Para Pengekar  
**Tarikh** : 10/4/2009  
**Perkara** : **JUALAN MURAH IgG-Plus**

---

Salam sejahtera dari Smart Naco!

Pihak syarikat ingin menarik perhatian semua terhadap perkara diatas. Kami sememangnya memandang serius terhadap isu ini di mana perkara ini telah memberi kesan yang negatif terhadap usaha dan faedah kepada semua pengedar dan lebih-lebih lagi perkembangan produk berkenaan. Adalah amat dikesali apabila isu membuang harga ini dilakukan sendiri oleh segelintir stokis dan pengedar semata-mata untuk kepentingan peribadi tanpa mengambilkira hak dan kebajikan ramai ahli-ahli Naco yang lain. Kami berasa amat sedih terhadap situasi ini.

Di sini, kami ingin menarik perhatian semua bahawa *membuang harga adalah pelanggaran Polisi & Prosedur Untuk Pengedar di Bahagian 2, Seksyen 5(4)*, di mana syarikat dibenarkan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya seperti yang disebut di *Polisi & Prosedur Untuk Pengedar, di Bahagian 3, Seksyen 4: Penggantungan & Penamatan*. Tempoh penggantungan adalah ditetapkan oleh syarikat yang ia mendapati bersesuaian.

Oleh kerana perkara ini memberi kesan buruk kepada semua, pihak syarikat menyeru kepada semua pengedar untuk sama-sama bersatu dan katakan "TIDAK" kepada jualan murah! Sekiranya anda mengetahui sebarang penjualan murah IgG-Plus, sila kemukakan kepada syarikat maklumat yang lengkap dan jika boleh disertakan dengan resit pembelian bagi memudahkan kami mengambil tindakan undang-undang.

Pihak syarikat amat menghargai segala sumbangan dan sokongan yang telah diberi. Sebagai ahli keluarga Smart Naco, kesetiaan anda terhadap polisi dan syarat-syarat syarikat adalah satu langkah yang besar dalam membina dan mengekalkan suasana jualan langsung yang sihat dan harmoni kepada semua ahli keluarga Smart Naco. Syarikat amat prihatin terhadap kebajikan anda semua, dan perkara yang sama juga syarikat harapkan dari semua.

**Keuntungan perniagaan Smart Naco adalah untuk dinikmati bersama, oleh itu marilah kita bersatu menentang jualan harga murah!**

Terima kasih.

Daripada,

PIHAK PENGURUSAN SMART NACO SDN BHD